

19/09/2002

Hubungan mesra Malaysia-AS boleh diperluas: TPM

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

WASHINGTON, Rabu - Hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat yang bertambah baik sekarang boleh diperluaskan lagi melalui kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun pendekatan Malaysia dalam beberapa isu terutama mengenai keganasan agak berbeza, matlamatnya adalah sama. Oleh itu, beliau berharap perbezaan pandangan dan pendekatan itu dapat diperbaiki.

"Selepas mengadakan beberapa pertemuan dalam lawatan kerja singkat ke sini, saya dapati hubungan Malaysia dengan Amerika bertambah baik. Ini ekoran kejayaan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini sebelum ini.

"Kita berjaya menambah keyakinan mereka bahawa Malaysia dan Amerika dapat memperluaskan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang terutama pendidikan, perdagangan dan pelaburan," katanya kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan kerja dua hari di sini.

Dalam lawatan pertamanya ke sini sebagai Timbalan Perdana Menteri itu, beliau menemui beberapa anggota kanan Kongres dan anggota Kabinet Bush termasuk Naib Presiden, Dick Cheney di White House hari ini.

Semalam, beliau menemui Penasihat Keselamatan Nasional, Dr Condoleeza Rice dan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Gabenor Tom Ridge.

Abdullah berkata, dalam siri pertemuan itu, mereka bertukar pandangan mengenai masalah keganasan, kemudahan visa ke Amerika, pendidikan dan pelaburan serta masalah Iraq dan Palestin.

Mengenai pertemuannya dengan Cheney, Abdullah memberitahu pendirian Malaysia agar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaksanakan tanggungjawabnya segera dengan menghantar pasukan pemeriksa senjata yang dilantik Majlis Keselamatan ke Iraq ekoran kesediaan Baghdad menerima semula pasukan berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, berkata dengan nasihat negara rakan, termasuk Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Iraq bersedia menerima semula pasukan pemeriksa itu.

Malaysia, katanya, melihat kesediaan Amerika Syarikat untuk membawa isu Iraq kepada PBB, sebelum mengambil sebarang tindakan ketenteraan terhadap negara itu sebagai perkembangan yang baik.

"Malaysia sokong Presiden Bush untuk membawa perkara ini ke PBB dan bukan meneruskan tindakan unilateral (secara sendirian)," katanya.

Sementara itu, Bernama, yang menghubungi Abdullah dari Kuala Lumpur melaporkan, Malaysia dan Amerika Syarikat bersetuju bahawa kerjasama dua hala dalam memerangi keganasan perlu diteruskan. Perkara itu dicapai dalam pertemuan Abdullah dengan Cheney.

"Kami berdua akui bahawa kerjasama dalam memerangi keganasan adalah baik dan perlu diteruskan dan ditingkatkan," katanya.

Abdullah berkata beliau memberitahu Cheney bahawa Malaysia berharap Washington tidak akan menganggap atau mempunyai pandangan bahawa Islam dan penganutnya mempunyai kaitan dengan keganasan.

"Saya memaklumkan beliau bahawa Islam menggalakkan keamanan dan kemajuan," katanya sambil menambah, Malaysia berusaha membaiki imej Islam berikutan salah tanggapan sesetengah pihak, khususnya selepas peristiwa 11 September.